

24 JUN 1999

Khalil-Nik Aziz

KENYATAAN NIK AZIZ MENUNJUKKAN DIA TAKUT, KATA KHALIL

KUALA LUMPUR, 24 Jun (Bernama) -- Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob hari ini berkata pelantikan Tengku Razaleigh Hamzah untuk memimpin Umno di Kelantan akan memberi kekuatan baru bagi parti itu dalam usaha menawan semula negeri itu daripada Pas.

Katanya, Tengku Razaleigh akan memberi pendekatan baru kepada Umno Kelantan dalam usaha menawan semula negeri itu pada pilihan raya umum akan datang.

Beliau juga berpendapat Pas kini dalam kegelisahan dengan pelantikan itu walaupun Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Aziz Nik Mat cuba menggambarkan Tengku Razaleigh tidak sekuat dahulu.

Tengku Razaleigh dilantik sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan pada Ahad lepas, menggantikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang melepaskan jawatan itu selepas lebih sembilan tahun.

"Itu menunjukkan dia (Nik Aziz) takut kepada Ku Li. Kalau dia tak takut, dia biarkan," katanya ketika diminta mengulas kenyataan Nik Aziz itu.

"Kita yakin (menawan Kelantan) pasal dah tak ada lagi parti Semangat 46 dan Umno jelas kelihatan mempunyai semangat baru," katanya.

Selain itu kerajaan negeri Kelantan di bawah Pas juga gagal membawa perubahan yang besar kepada rakyat negeri itu, kata beliau.

Ketika ditanya mengenai dakwaan sesetengah pihak bahawa parti pembangkang kuat di Kelantan, beliau berkata: "Kalau parti lawan saya tak gunakan istilah mereka kuat. Yang kuat cuma kita sahaja."

Sebelum itu, Khalil, yang juga Menteri Penerangan, menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara Radio Dan Televisyen Malaysia (RTM) dan Le Proton Lima Sdn Bhd bagi membolehkan RTM bertindak sebagai Hos Penyiar kepada Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA '99) yang akan berlangsung pada 30 Nov hingga 5 Dis depan.

RTM diwakili oleh Ketua Pengarah Penyiaran Datuk Jaafar Kamin manakala Le Proton diwakili oleh Pengerusi Eksekutifnya Datuk Mohd Radzi Manan.

Ketika diminta mengulas mengenai filem "The Entrapment" yang memberi gambaran tidak tepat mengenai kedudukan Menara Berkembar Petronas dalam filem itu, Khalil berkata, beliau akan berbincang dengan pihak yang berkaitan untuk mencari satu garis panduan yang boleh memberi kebaikan kepada semua pihak.

"Kita minta persefahaman dan sebelum dia (pengusaha filem) datang, kita akan jelaskan dahulu dan kita tidak mahu lagi unsur-unsur, gambaran dan keadaan sebenar di Malaysia ditukar kerana ini akan memberi satu imej yang tidak baik untuk sektor pelancongan," katanya.

Ditanya sama ada kerajaan akan menghantar surat bantahan rasmi kepada pengeluar filem tersebut, beliau berkata: "Setakat ini saya belum mendapatkan pandangan dari rakan-rakan lain khususnya dari Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan."

-- BERNAMA
APG AHH NMO